

HARIAN METRO 23/9/2019 p. 65

Johnathan kejar tiket kelayakan ke Tokyo

Kuala Lumpur: Atlet menembak, Johnathan Wong mengintai peluang untuk meraih tiket ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 menerusi Kejohanan Menembak Asia di Doha, November depan.

Jelas atlet berusia 27 tahun itu, dia perlu meraih tiga kedudukan teratas dalam acara acara 10 meter air pistol sekiranya mahu memastikan tiket ke Tokyo dicapai sebelum memberi fokus kepada Sukan SEA bulan berikutnya.

"Saya tidak memecahkan sebarang rekod tahun ini namun pencapaian meraih hingga 581 mata pada Piala

Dunia di Beijing April lalu memberikan keyakinan untuk menghadapi kejohanan di Doha.

"Saya perlu mencapai tahap sekurang-kurangnya 580 mata untuk mara ke pusingan akhir di Doha. Setelah itu perlu fokus dalam memastikan tiga kedudukan terbaik," jelasnya.

Johnathan adalah penembak tunggal negara layak ke Olimpik Rio 2016 namun terkandas pada peringkat awal.

Hingga kini hanya beberapa atlet sudah mengesahkan tiket ke Tokyo seperti terjun, memamah dan pelayaran.



JOHNATHAN